

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI
[PASIR MAS]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2023 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN AHMAD FADHLI BIN SHAARI [PASIR MAS] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan pelan strategik jangka masa panjang oleh Kementerian bagi memastikan pengangkutan awam seperti bas dapat memberi perkhidmatan kepada rakyat secara komprehensif terutamanya di kawasan luar bandar di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Adalah menjadi hasrat Kerajaan agar pengangkutan awam menjadi pilihan utama mod pengangkutan di negara ini. Justeru, beberapa inisiatif telah diambil Kerajaan dalam usaha meningkatkan kesalinghubungan dan kecekapan sistem pengangkutan awam seperti perkhidmatan bas berhenti-henti di negara ini terutamanya di kawasan luar bandar.

2. Kerajaan telah meneruskan skim Dana Interim Sementara Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (ISBSF) kepada 37 pengendali bas yang menjalankan perkhidmatan bas berhenti-henti di seluruh Semenanjung Malaysia, serta 13 pengendali di Sabah dan 17 pengendali di Sarawak agar perkhidmatan bas terutamanya di luar bandar tidak terjejas serta terus dapat memberi perkhidmatan kepada rakyat yang memerlukan.

3. Kerajaan juga sentiasa mengalu-alukan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam menyediakan perkhidmatan bas percuma seperti di Selangor (Smart Selangor), Johor (Bas Muafakat) dan Pulau Pinang (CAT) yang banyak beroperasi di laluan-laluan sosial. Bagi perkhidmatan bas di ibu negeri pula, Kerajaan telah meneruskan Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (*Stage Bus Service Transformation Program*, SBST) sedia ada di Kangar, Seremban, Ipoh, Kuala Terengganu dan Johor Bahru. Program SBST juga akan diperluaskan ke Bandar Melaka, Kuching dan Kota Kinabalu.

Sekian, terima kasih.